

PERANAN TEKNOLOGI MAKLUMAT TERHADAP PENINGKATAN MOTIVASI PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

Chan Yuen Fook (Ph.D)

Gurnam Kaur Sidhu (Ph.D)

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

Abstrak: Era teknologi maklumat telah membawa banyak transformasi dalam pendidikan di seluruh dunia dan tidak terkecuali juga bagi negara Malaysia. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah menjadi semakin lumrah di institusi pengajian tinggi. Demi memahami peranan TMK terhadap peningkatan motivasi pembelajaran di peringkat universiti, kajian ini telah dijalankan. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah berbentuk deskriptif. Soal selidik dan soalan temubual telah disediakan untuk memperoleh maklumat tentang pengaksesan pelajar terhadap TMK, kekerapan penggunaan TMK, sebab-sebab utama menggunakan TMK dan peranan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran. Persampelan stratifikasi telah digunakan untuk memilih pelajar daripada jurusan TESL, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Pendidikan Sains dan Matematik dalam Fakulti Pendidikan, UiTM atas andaian kesemua pelajar dalam jurusan yang berkaitan mempunyai kefahaman yang sama terhadap TMK dalam jurusan masing-masing. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan sikap pelajar terhadap TMK adalah positif, namun tidak semua pelajar menggunakan TMK, majoriti pelajar menggemari penggunaan TMK oleh pensyarah dalam pengajaran dan hampir kesemua responden bersependapat bahawa TMK dapat meningkatkan motivasi untuk belajar serta dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Responden juga bersependapat kemahiran TMK penting sebagai satu kemahiran asas untuk mencari kerja pada masa depan. Namun, pelajar juga mencadangkan “Learning Management System” dimulakan dan kemahiran pembelajaran yang berkaitan dengan TMK diperkukuhkan di kalangan pelajar melalui program-program tertentu. Secara amnya, dapatan kajian ini dapat membantu pihak universiti untuk mendapat satu gambaran yang jelas tentang kesediaan pelajar dan motivasi pelajar terhadap pengintegrasian TMK dalam pendidikan serta mengolah strategi yang sesuai untuk meningkatkan prestasi pengurusan pengajian di peringkat insituti pengajian tinggi ke satu tahap yang lebih cemerlang

PENGENALAN

Kita hidup dalam era teknologi maklumat yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Kita bukan sahaja terancam dengan pengeboman “terrorist”, namun kita juga merasai letupan pengetahuan di merata tempat pada setiap hari. Perubahan yang pesat dalam teknologi moden telah menyebabkan riwayat

kitaran produk dan riwayat kitaran ilmu menjadi semakin singkat. Kita tidak mampu lagi mempelajari segala ilmu pengetahuan di bangku sekolah ataupun di peringkat institusi pengajian tinggi. Lebih-lebih lagi, keterkinian ilmu pengetahuan yang dipelajari di universiti tidak dapat bertahan lama, misalnya ilmu kejuruteraan yang dipelajari di universiti hanya mampu bertahan untuk selama dua tahun, manakala ilmu teknologi maklumat pula tidak dapat bertahan melebihi setengah tahun. Perkembangan yang pesat ini telah mendesak guru dan murid untuk menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai salah cara yang penting untuk memperolehi maklumat supaya kita tidak ketinggalan zaman ataupun tersingkir dari arus perubahan (Berry, 2000).

Jelasnya, perkembangan yang pesat dalam masyarakat kita telah menonjolkan kepentingan TMK. Menurut Davis (2001), TMK merupakan kemahiran yang utama dan juga tema utama dalam era teknologi maklumat. Ia juga merupakan salah satu alat penting untuk memotivasikan pembelajaran. Perkembangan terkini dalam pendidikan telah memaparkan kepentingan TMK yang tidak harus diabaikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian di luar negara terutamanya di United Kingdom telah menunjukkan kesan positif teknologi maklumat terhadap pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi. Misalnya, kajian Cox, Preston & Cox (1999) telah menunjukkan impak positif teknologi maklumat terhadap peningkatan motivasi dan komitmen pelajar untuk belajar. Oleh itu, kesedaran terhadap kepentingan TMK telah mendorong kepada perkembangan konsep-konsep baru dalam pendidikan seperti *on-line learning*, *e-learning*, *virtual learning* dan sebagainya telah mula diperkenalkan.

Pembelajaran Elektronik

Pembelajaran elektronik ataupun *e-learning* membawa maksud yang pelbagai kepada individu yang berlainan. Ia boleh didefinisikan sebagai bahan pengajaran ataupun pengalaman pembelajaran yang disampaikan ataupun dikendalikan dengan teknologi elektronik (Commission on Technology and Adult Learning, 2001). Sehingga tahun 2000, pembelajaran elektronik juga dikenali sebagai "Web-based learning" ataupun "Internet-based learning". Menurut Rosenberg (2001), pembelajaran elektronik dirujuk sebagai penggunaan teknologi Internet untuk menyalurkan sejumlah cara penyelesaian demi memperkukuhkan penyebaran pengetahuan dan prestasi pembelajaran. Padahal, ia menggabungkan atribut pengurusan pengetahuan dengan pembelajaran "on-line". Teknologi dapat membekalkan lebih banyak peluang pembelajaran kepada murid. Selain itu, kemudahlaturan pembelajaran secara elektronik juga amat sesuai untuk pembangunan profesional guru. Dengan itu, kelebihan pembelajaran secara elektronik selalu dikaitkan dengan peningkatan motivasi pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan murid di sekolah-sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi.

TMK dan Motivasi Pembelajaran

Menurut Gross (1992), mendefinisi motivasi adalah sama sukar seperti mendefinisi psikologi. Ini adalah disebabkan kajian motivasi melibatkan faktor pendorong dan faktor penghalang dari segi biologi, sosial, ataupun psikologi dalam usaha mengatasi kemalasan dan mendorong kita secara diingini ataupun tidak diingini kepada tindakan yang dikehendaki (Miller, 1962 dalam Gross, 1992). Kajian terkini terhadap kesan TMK telah menunjukkan peningkatan minat dan komitmen pelajar terhadap pembelajaran; di samping peningkatan keseronokan untuk belajar, keyakinan diri, keberdikarian dan konsep sendiri (Cox, 1997; 1999). Kajian Gardner, J, Morrison, H, Jarman, R, Reilly, C dan McNally, H. (1994) berkenaan dengan penggunaan komputer riba di kalangan 235 orang pelajar dari sekolah rendah dan menengah dalam satu kalender persekolahan merupakan salah satu kajian yang relevan. Penyelidik tersebut mendapati bahawa majoriti guru melaporkan tahap motivasi pelajar telah meningkat dan pelajar telah memperoleh sikap yang lebih positif untuk belajar apabila komputer riba digunakan.

Projek UK IMPACT (Watson, 1993) yang mengkaji impak TMK terhadap pembelajaran pelajar juga mendapati komitmen pelajar terhadap pembelajaran telah dipertingkatkan dengan signifikan melalui penggunaan TMK. Satu kajian lain oleh Robertson, S.I, Calder, J, Fung, P, Jones, A, & O'Shea, T. (1995) juga mengesahkan sikap positif guru dan pelajar terhadap TMK dengan pernyataan-pernyataan seperti berikut: "saya suka bekerja/belajar dengan komputer" dan "saya rasa seronok apabila menggunakan menggunakan komputer". Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan TMK mempunyai impak yang positif terhadap peningkatan motivasi di kalangan guru dan murid dalam institusi-institusi pengajian pendidikan.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji peranan teknologi maklumat terhadap peningkatan motivasi pembelajaran di kalangan mahasiswa dan mahasiswi dalam Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA. Secara khususnya, kajian ini mengkaji faktor-faktor pengaksesan pelajar terhadap TMK, kekerapan penggunaan TMK, sebab-sebab utama menggunakan TMK dan peranan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran dan hubungannya di antara TMK dengan peningkatan motivasi pembelajaran di kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memperoleh data untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan berikut:

1. Apakah tahap pengaksesan pelajar kepada TMK?

2. Berapa kerapkah pelajar menggunakan TMK?
3. Apakah sebab-sebab utama pelajar menggunakan TMK?
4. Apakah peranan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti?
5. Adakah terdapat hubungan di antara penggunaan TMK dengan motivasi untuk belajar?

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Persampelan stratifikasi telah digunakan untuk memilih sampel pelajar yang dapat mewakili pelajar daripada jurusan TESL, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Pendidikan Sains dan Matematik dalam Fakulti Pendidikan, UiTM. Akhirnya, seramai 65 orang pelajar dari ketiga-tiga jurusan di dalam Fakulti Pendidikan, UiTM telah dipilih. Soal selidik dan soalan temubual telah disediakan untuk memperoleh maklumat tentang pengaksesan pelajar kepada TMK, kekerapan penggunaan TMK, sebab-sebab utama menggunakan TMK dan peranan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar. Persepsi mereka telah diukur dengan menggunakan skala Likert 5 mata (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju). Perisian SPSS Win versi 13.0 telah digunakan untuk menganalisis maklumat yang dikumpulkan secara statistik. Frekuensi dan peratus dikira untuk menunjukkan setakat mana peranan TMK terhadap peningkatan motivasi di kalangan pelajar. Manakala, ukuran min dan sisihan piawai turut dicari untuk mendapat ukuran yang jitu dan tepat. Selain daripada itu, analisis korelasi juga dikendalikan untuk mengenalpasti hubungan di antara potensi TMK dengan motivasi untuk belajar dan juga kesan-kesan negatif daripada penggunaan TMK.

DAPATAN KAJIAN

Jantina, Umur dan Jurusan Pelajar

Jadual 1 menunjukkan taburan frekuensi dan peratus pelajar menurut jantina, umur dan jurusan pengkhususan pelajar. Data analisis menunjukkan sebanyak 83% daripada responden adalah pelajar perempuan dan sebanyak 17% adalah pelajar lelaki. Keputusan analisis ini juga menggambarkan kebanyakan pelajar Fakulti Pendidikan di Malaysia adalah perempuan. Berkenaan dengan umur pula, keputusan analisis menunjukkan 50.8% daripada responden adalah berumur 18-25, diikuti dengan kumpulan umur 31-35 (23.1%) dan kumpulan umur 26-30 (20%). Kumpulan umur 36-40 berjumlah 4.6% manakala kumpulan umur 41-45 membentuk 1.5% daripada subjek kajian dalam kajian ini.

Jadual 1: Jantina, Umur dan Kumpulan Pelajar (n = 65)

Pembolehubah				Frekuensi	Peratus
Jantina					
	Lelaki			11	17
	Perempuan			54	83
	Jumlah			65	100
Umur					
	18-25			33	50.8
	26-30			13	20.0
	31-35			15	23.1
	36-40			3	4.6
	41-45			1	1.5
	Total			65	100
Kumpulan					
	TESL			19	29.2
	Pendidikan	Jasmani	dan	19	29.2
	Kesihatan				
	Pendidikan	Sains	dan	27	41.5
	Matematik				
	Jumlah			65	100

Taburan responden ini menunjukkan hampir separuh daripada responden merupakan bekas guru dan separuh yang lain adalah pelajar yang baru menamatkan pengajian dari sekolah. Data dikutip juga menunjukkan bahawa sejumlah besar responden (41.5%) dipilih daripada jurusan Sains dan Matematik, sejumlah 29.2% daripada jurusan TESL, dan yang selebihnya 29.2% daripada jurusan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Peratusan pelajar dalam jurusan yang berbeza ini jelas menggambarkan taburan peratusan pelajar dalam Fakulti Pendidikan, UiTM dan juga usaha kerajaan ke arah menggalakkan lebih ramai pelajar membuat pengkhususan dalam jurusan Sains dan Matematik serta bekas guru untuk melanjutkan pelajaran ke tahap pengajian universiti.

Kajian ini mengkaji pengaksesan pelajar kepada teknologi maklumat. Keputusan dalam Jadual 2 menunjukkan 86% daripada responden menyatakan bahawa mereka mempunyai komputer. Manakala, hanya sebanyak 47% responden bersetuju bahawa mereka mempunyai sambungan Internet di rumah. Demi pengukuhan komitmen terhadap pembelajaran elektronik, setiap orang responden harus memiliki komputer dan sambungan Internet di rumah.

Jadual 2: Pencapaian Pelajar kepada Komputer (n = 65)

Item	Ya	Tidak
Adakah anda mempunyai komputer?	86%	14%
Adakah anda mempunyai sambungan Internet di rumah?	47%	53%

Jadual 3 memaparkan kebanyakan responden (63.1%) menggunakan komputer/Internet pada setiap hari. Hampir satu pertiga daripada responden (29.2%) menyatakan bahawa mereka menggunakan komputer/Internet hanya seminggu sekali, dan sejumlah yang kecil (4.6%) menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan komputer/Internet beberapa kali dalam setahun ataupun sekali dalam setahun (3%).

Jadual 3: Kekerapan Responden Menggunakan TMK (n =65)

Berapakah Kerap Anda Menggunakan Komputer/Internet?	Frekuensi	Peratus
Setiap hari	41	63.1
Sekali Seminggu	19	29.2
Beberapa kali setahun	3	4.6
Sekali Sebulan	2	3

Satu lagi aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah sebab-sebab menggunakan komputer/Internet. Keputusan dalam Jadual 4 menunjukkan majoriti daripada responden (90%) menyatakan mereka menggunakan perisian aplikasi dan hampir separuh daripada mereka menggunakan emel (51%) dan memuatturunkan perisian (41%) sebagai sebab utama menggunakan komputer. Hanya segelintir kecil responden menggunakan komputer untuk permainan komputer (29%), memuatturunkan fail muzik (27%), berbual-bual (25%), berkongsi fail (17%), menjalankan forum elektronik (2%) and pembelian "on-line" (2%). Demi meningkatkan motivasi pelajar dalam penggunaan teknologi maklumat, lebih banyak aktiviti perlu dirancang di sekolah untuk menggalakkan penggunaan TMK di kalangan pelajar dalam pembelajaran serta kehidupan seharian.

Jadual 4: Sebab Utama Menggunakan TMK (n= 65)

Item	Min	SP
Perisian Aplikasi	90	30
E-mel	51	51
Memuatturun Perisian	41	49
Permainan Komputer	29	46
Memuatturun Fail Muzik	27	45
Perbualan Internet	25	25
Perkongsian Fail	17	38
Forum Elektronik	2	13
Pembelian "On-line"	2	13

Padahal, dapatan kajian berkenaan dengan sebab-sebab utama menggunakan TMK adalah selaras dengan dapatan kajian TMK yang dikendalikan oleh Universiti Cardiff yang dilaporkan dalam *Education Guardian Weekly* pada 5 Oktober 2004 (The Guardian, 2005). Hasil temubual dalam kajian di Universiti Cardiff and di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam kajian ini juga mengesahkan bahawa perisian Microsoft Word merupakan perisian yang paling kerap digunakan oleh pelajar. Diikuti dengan perisian lain seperti Microsoft PowerPoint dan Microsoft Excel di kedua-dua universiti. Di samping itu, hasil kajian temubual juga menunjukkan bahawa kemudahan Internet seperti emel dan mencari maklumat dalam Internet merupakan aktiviti yang paling kerap dijalankan oleh pelajar. Misalnya, pelajar di UiTM didapati gemar menggunakan Friendster dan Yahoo. Selain daripada itu, hasil kajian ini juga menyokong dapatan Facer & Owen (2005) bahawa pengalaman pembelajaran melalui penggunaan TMK dapat membekalkan peluang mengakses kepada maklumat dalam Internet dan memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan pelajar di luar negara. Keupayaan komputer dan Internet seperti ini mampu meningkatkan motivasi pelajar dari segenap lapisan untuk menguasai ilmu terkini dari semasa ke semasa.

Dapatan kajian dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan pelbagai peranan yang dimainkan oleh teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran (min>4.50). Dapatan kajian ini adalah selaras dengan penemuan Cox, Preston & Coc (1999). Lebih daripada 85% responden yang dikaji sebulat suara berpendapat bahawa teknologi maklumat mempunyai kesan-kesan positif seperti berikut:

- Memudahkan persembahan bahan pengajaran
- Meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar
- Mempelbagaikan aktiviti pengajaran guru
- Mempelbagai aktiviti pembelajaran pelajar
- Menjadikan sesi pengajaran lebih menarik
- Menjadikan sesi pembelajaran lebih seronok

- Menjadikan pengurusan bilik darjah lebih berkesan

Responden yang ditemubual juga memaklumkan bahawa penggunaan perisian aplikasi seperti Microsoft Word, Microsoft PowerPoint dan Microsoft Excel memang dapat menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih seronok dan menarik. Namun demikian, kejayaan pengendalian sesi-sesi pengajaran dan pembelajaran dengan komputer adalah amat bergantung kepada kemahiran dan kreativiti pensyarah. Bagi setengah-setengah pensyarah yang mahir dengan perisian PowerPoint, slaid PowerPoint yang disediakan dalam bentuk persembahan multimedia adalah amat menarik. Namun demikian, bagi setengah-setengah pensyarah yang berpengalaman, sesi pengajaran yang tiada PowerPoint ataupun hanya dengan persembahan PowerPoint yang sederhana juga cukup menarik.

Secara umum, responden yang dikaji bersetuju bahawa penggunaan teknologi maklumat mempunyai impak yang positif dan ia mempunyai banyak manfaat seperti ($\text{min} > 4.70$):

- Membina keyakinan diri
- Menggalakkan pemikiran kreatif
- Meningkatkan motivasi untuk belajar

Jadual 5: Peranan TMK dalam Pengajaran dan Pembelajaran (n= 65)

Item	Min	SP
TMK memudahkan persembahan bahan pengajaran kepada pelajar	4.78	.88
TMK meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar	4.77	.87
TMK mempelbagaikan aktiviti pengajaran guru dalam kelas	4.76	.76
TMK mempelbagaikan aktiviti pembelajaran pelajar dalam kelas	4.76	.67
TMK menjadikan sesi pengajaran lebih menarik kepada pelajar	4.75	.59
TMK menjadikan sesi pembelajaran lebih seronok kepada pelajar	4.74	.73
TMK menjadikan pengurusan bilik darjah lebih berkesan	4.72	.68
TMK membina keyakinan diri di kalangan pelajar	4.71	.55
TMK menggalakkan pemikiran kreatif di kalangan pelajar	4.65	.68
Kemudahan TMK dalam Fakulti adalah memuaskan	2.36	.65
Perkakasan komputer sering memberi masalah	3.89	.78
Perisian komputer sering memberi masalah	3.97	.89
Kemahiran pensyarah dalam TMK adalah memuaskan	4.57	.83
Penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran adalah mahal	2.35	.53
Penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran adalah susah	2.33	.75
Penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran adalah membuang masa	2.32	.63
Penggunaan TMK sering menimbulkan masalah disiplin dalam kelas	1.96	.74
Penggunaan TMK menjadikan bahan pengajaran sukar difahami	1.95	.88
Penggunaan TMK mengurangkan motivasi pelajar untuk belajar	1.25	.89

Skala: 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju

Hasil temubual juga mengesahkan bahawa TMK membawa banyak pengetahuan dan maklumat terkini dalam pelajaran. Penggunaan TMK membolehkan pelajar mengenalpasti cara pembelajaran yang lebih sesuai dengan diri mereka dan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. Pelajar yang kerap menggunakan teknologi maklumat berpendapat bahawa mereka tidak risau apabila diberi tugas yang perlu menggunakan komputer. Mereka juga merasa lebih yakin apabila memohon pekerjaan pada masa depan. Di samping itu, hasil temubual juga menunjukkan bahawa responden berpendapat bahawa cara pembelajaran secara "video-conferencing", "on-line", "e-learning" dan "learning management system" adalah cara pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan menjimatkan masa. Mereka percaya pelajar yang menggunakan kemudahan-kemudahan ini adalah lebih berkemampuan dan mampu menyelesaikan masalah pembelajaran dengan cara sendiri, mereka tidak takut melakukan kesilapan, dan mereka boleh belajar dengan kadar kelajuan sendiri. Dengan itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran sedemikian pasti dapat meningkatkan tahap motivasi belajar dan kreativiti pelajar di institusi pengajian tinggi. Namun demikian, majoriti responden yang ditemubual juga tidak menafikan peranan penting pensyarah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Kejayaan pengajaran dan pembelajaran adalah amat bergantung kepada ketrampilan pensyarah, teknologi maklumat hanya berfungsi sebagai alat sokongan sahaja yang dapat melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Namun demikian, responden yang dikaji berpendapat bahawa kemudahan TMK dalam fakulti masih kurang memuaskan. Pelajar sering menghadapi masalah teknikal seperti kekurangan komputer riba dan Liquid Crystal Display untuk bilik kuliah, dan perisian komputer yang tidak berfungsi. Di samping itu, pelajar juga berpendapat bahawa bantuan teknikal perlu dipertingkatkan lagi. Mereka juga berpendapat bahawa pemeriksaan kelengkapan peralatan komputer perlu dilakukan dengan lebih kerap. Walaupun penggunaan komputer dan Internet melibatkan kos yang besar, namun responden yang dikaji tidak bersetuju bahawa penggunaan teknologi maklumat adalah menyusahkan, mahal, dan membuang masa. Namun, responden yang ditemubual berpendapat bahawa penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti sudah menjadi satu keperluan asas yang tidak boleh ditiadakan.

Hubungan Korelasi di antara Penggunaan TMK dengan Motivasi untuk Belajar

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa soalan kajian yang utama "TMK meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar" adalah berkorelasi secara positif dan signifikan dengan pernyataan-pernyataan seperti berikut:

- Kemahiran pensyarah dalam TMK ($r = .97, p < .01$)
- Memudahkan persembahan bahan pengajaran ($r = .92, p < .01$)

- Mempelbagaikan aktiviti pengajaran ($r = .89, p < .01$)
- Mempelbagaikan aktiviti pembelajaran ($r = .86, p < .01$)
- Menjadikan sesi pengajaran lebih menarik ($r = .85, p < .01$)
- Menjadikan sesi pembelajaran lebih seronok ($r = .82, p < .01$)

Dapatan kajian ini juga mengesahkan kemahiran pensyarah menggunakan TMK mempunyai hubungan yang rapat dengan keupayaan teknologi maklumat dalam meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Dapatan ini juga mengesahkan bahawa teknologi maklumat dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknologi maklumat mampu memudahkan persembahan pengajaran, mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih seronok dan menarik kepada pelajar.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa soalan kajian yang utama "TMK meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar" adalah berkorelasi secara negatif dan signifikan dengan pernyataan-pernyataan seperti berikut:

- Perkakasan komputer sering memberi masalah ($r = -.78, p < .01$)
- Perisian komputer sering memberi masalah ($r = -.77, p < .01$)
- Penggunaan TMK sering menimbulkan masalah disiplin dalam kelas ($r = -.75, p < .01$)
- Penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran adalah susah ($r = -.66, p < .01$)

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden yang mendapati TMK dapat meningkatkan motivasi untuk belajar tidak akan bersetuju dengan pernyataan negatif seperti masalah-masalah perkakasan, perisian, disiplin dan kesulitan semasa menggunakan TMK. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua faktor motivasi dan dapatan analisis korelasi mencadangkan bahawa faktor-faktor penting bagi penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran ialah impak positif TMK dan ketiadaan masalah teknikal seperti masalah perkakasan atau perisian komputer semasa menggunakan TMK. Secara umumnya, didapati bahawa responden bersetuju bahawa TMK merupakan salah satu alat penting yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan memberi fokus kepada objektif pembelajaran dan bukan hanya setakat menumpu kepada aktiviti berasingan seperti teknik analisis data, persembahan atau pengumpulan maklumat sahaja.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dalam Fakulti Pendidikan, UiTM memiliki komputer dan dapat mengakses kepada kemudahan Internet. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti daripada pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap teknologi maklumat. Pelajar berasa lebih berminat jika pensyarah mereka menggunakan teknologi maklumat dalam sesi

pengajaran mereka. Dapatan ini adalah penting dalam menentukan kebolehlaksanaan pengintegrasian teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti. Dalam usaha untuk berubah daripada cara tradisional dalam bilik darjah yang mengutamakan “chalk and talk” kepada cara penggunaan teknologi maklumat, Fakulti Pendidikan, UiTM perlu menyedari kepentingan pengintegrasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti.

Demi memastikan pengintegrasian TMK dengan secara lancar dalam fakulti, pihak fakulti perlu memastikan kemudahan-kemudahan asas seperti makmal komputer, komputer, komputer riba, nod, pelayan, sambungan Internet, dan sebagainya adalah mencukupi dan lengkap. Di samping itu, juruteknik yang mahir perlu diperolehi ataupun dilatih sudah mereka dapat menjalankan tugas sokongan dengan baik dalam fakulti. Di samping itu, majoriti responden (> 80%) dalam kajian ini juga mencadangkan “*Learning Management System*” dimulakan dan kemahiran pembelajaran yang berkaitan dengan TMK diperkukuhkan di kalangan mahasiswa-mahasiswi melalui program-program TMK tertentu. Namun demikian, kita juga menyedari bahawa teknologi maklumat tidak dapat menggantikan pensyarah, tetapi pensyarah yang menggunakan teknologi akan menggantikan pensyarah yang tidak menggunakan teknologi.

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan penggunaan TMK telah dapat meningkatkan motivasi mahasiswa-mahasiswi untuk belajar. Dapatan ini adalah amat berguna untuk menyumbang kepada literatur pengintegrasian TMK dalam pendidikan. Sebagai kesimpulan, adalah diharapkan bahawa pengintegrasian TMK dalam pendidikan dapat membantu Fakulti Pendidikan, UiTM melahirkan “*a new breed of technology savvy teachers*” yang sedia untuk melaksanakan teknologi canggih di sekolah untuk memenuhi aspirasi celik TMK di Kementerian dan masyarakat secara keseluruhannya.

RUJUKAN

- Berry, J. (2000). Traditional training fades in favour of e-Learning. *Internet Week*, Issue 800. 33-34.
- Cox, M.J. (1997). The effects of information technology on students motivation. *Final Report*. NCET/King's College London. Coventry/London.
- Cox, M.J. (1999). Motivating pupils through the use of ICT. in Leask, M. & Pachler, N. (Eds.) *Learning to teach using ICT in the secondary school*. Routledge. London. pp 19-35
- Cox, M., Preston, C. & Cox, K. (1999). What motivates teachers to use ICT? Paper presented at the *British Educational Research Association Annual Conference*, University of Sussex at Brighton, September 2-5, 1999.
- Davis, N. (2001). The virtual community of teachers. *Issues in teaching using ICT*. Edited by Marilyn Leask. New York: Routledge.
- Gardner, J, Morrison, H, Jarman, R, Reilly, C, & McNally, H. (1994). *Learning with portable computers*. Computers and Education Vol. 22 (1/2) 161-171.
- Gross, R.D. (1992). *Psychology: The science of mind and behaviour*. Hodder & Stoughton. London.
- Rosenberg, M. J. (2001). *e-Learning: Strategies for delivering knowledge in the digital age*. New York: McGraw Hill.
- Robertson, S.I, Calder, J, Fung, P, Jones, A, & O'Shea, T. (1995). *Computer attitudes in an English secondary school*. Computers and Education Vol 24 (2) 73-81
- The Guardian (2004). Online, off course. Education Guardian Weekly. http://EducationGuardian_co_uk/eG_weekly/Online_off_course.htm. Accessed on 30 July 2005.
- Facer, K. & Owen, M. (2005). The potential role of ICT in modern foreign languages learning http://NESTA_Futurelab_-_Research_-_Discussion_Papers/The_Potential_Role_of_ICT_in_MFL.htm. Accessed on 30 July 2005.
- Watson, D.M. (Ed.) (1993). *IMPACT - An evaluation of the IMPACT of the information technology on children's achievements in primary and secondary schools*. King's College London.